

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah tahap kebergantungan negara terhadap barangan mentah yang perlu diimport dari negara luar, apakah langkah Kementerian dalam memastikan penawaran bahan mentah keluaran tempatan mencukupi untuk menampung keperluan rakyat Malaysia, dan tindakan yang dijalankan oleh Kerajaan dalam menggalakkan rakyat Malaysia lebih minat untuk menceburi dalam bidang pertanian dan industri asas tani.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perbandingan peratusan jumlah penghasilan makanan asasi berbanding dengan peratusan makanan yang diimport boleh diketahui menerusi formula Kadar Pergantungan Import (IDR). Ianya merupakan satu indikator yang menunjukkan sejauh mana pergantungan sesebuah negara terhadap import komoditi pertanian untuk memenuhi keperluan domestik. Nilai IDR yang lebih tinggi menunjukkan bahawa lebih banyak bekalan komoditi pertanian yang akan diimport bagi memenuhi permintaan domestik. Perbandingan kadar IDR berbanding dengan Tahap Sara Diri (SSL) adalah seperti berikut:

Komoditi agromakanan	IDR (%)	SSL (%)
Beras (IPB)	28.9	70.0
Sayur-sayuran	63.3	46.6
Buah-buahan	35.1	77.5
Daging Lembu/Kerbau	80.1	22.2

Daging Kambing/Biri-biri	88.8	10.2
Daging Babi (40% penduduk)	10.6	92.1
Daging Ayam/Itik	3.6	103.7
Telur Ayam/Itik (biji)	0.03	114.7
Tenusu (Liter)	147.1	3.5
Susu Segar (Liter)	43.4	58.3
Ikan Makanan	13.7	92.8

2. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi memastikan penawaran bahan mentah keluaran tempatan mencukupi untuk menampung keperluan rakyat Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan pembangunan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baharu. Dengan pembukaan empat kawasan baharu ini beserta inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan varieti padi sah baharu yang berhasil tinggi dan rintang penyakit, hasil pengeluaran padi negara dijangka akan meningkat sehingga ke Tahap Sara Diri (SSL) sebanyak 75 peratus pada tahun 2020 dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import beras;
- ii. Meningkatkan pengeluaran dalam sektor perikanan menerusi pengukuhan pengurusan perikanan tangkapan, mentransformasi infrastruktur dan prasarana pendaratan ikan, menguatkuasakan Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS) dan memperkasa industri akuakultur;
- iii. Meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran menerusi pelbagai inisiatif penanaman seperti peluasan tanaman dalam Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), penggunaan teknologi pertanian moden dan sebagainya;

- iv. Meningkatkan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan Projek Ladang Satelit dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan. Kerajaan juga sedang melaksanakan sebanyak lima Lembah Tenusu dengan mensasarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun; dan
 - v. Melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumpai laut dan sarang burung walit, mempergiatkan Program Agropreneur Muda dan membangunkan industri jagung bijian bagi menangani kebergantungan import bahan makanan untuk ternakan.
3. Beberapa program dan bantuan ditawarkan oleh MOA bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk menceburi bidang pertanian dan industri asas tani. Antara program dan bantuan yang disediakan seperti berikut:
- i. Program Geran Pemandan (Pembiayaan Modal) iaitu program penyaluran bantuan peruntukan dalam bentuk Geran Pemandan menerusi perkongsian pembiayaan antara Kerajaan dan usahawan;
 - ii. Program Pusat Pemprosesan, Pengumpulan dan Pemasaran (3P) iaitu penyediaan kemudahan premis dan peralatan yang lengkap bagi menggalakkan dan membangunkan usahawan-usahawan baru yang tidak mempunyai premis untuk membangunkan produk asas tani sekaligus menarik minat mereka untuk menceburi bidang pertanian; dan
 - iii. Program Pembangunan Latihan Usahawan iaitu pelaksanaan kursus atau latihan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan.

Sekian, terima kasih.